

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NASIONAL

3 ditahan jual produk kosmetik secara haram

Kuala Lumpur: Jabatan Imigresen menahan tiga warga Indonesia yang membawa masuk produk kosmetik dan kecantikan serta menjual dalam talian tanpa kebenaran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Datuk Ruslin Jusoh, berkata kegiatan mereka dikecensan Bahagian Perisikan dan Operasi Khas, Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya dengan kerjasama Pegawai Penguatkuasa (Farmasi), Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur selepas menyerbu tiga premis di Setapak dan Ampang, Khamis lalu.

Beliau berkata, operasi khas yang dijalankan itu menahan seorang wanita Indonesia diperlakukan sebagai jenama, dua passport Indonesia, wang tunai sebanyak RM3,263 dan 3,271,000 rupiah (RM960).

"Turut ditahan seorang lelaki dan seorang wanita juga warga Indonesia berusia 25 dan 35 tahun yang diperlakukan berperanan sebagai *promoter online* produk kosmetik dan kecantikan.

"Siasatan kita mendapati, dalam utama berkenaan memiliki Pas Lawatan Sosial (PLS) yang masih, manakala pekerjaannya tidak memiliki sebarang dokumentasi perjalanan atau pas yang sah untuk berada di negara ini manakala lelaki terbabit didapati tinggal lebih masa," katanya dalam keriyataan, semalam.

Ruslin berkata, serbuan itu turut merampas produk kosmetik dan kecantikan pelbagai jenama, dua passport Indonesia, wang tunai sebanyak RM3,263 dan 3,271,000 rupiah (RM960).

"Modus operandi sindiket adalah membawa masuk produk kosmetik dan kecantikan haram untuk

dijual kepada pelanggan secara dalam talian melalui ejen dengan harga RM159 setiap satu.

"Sindiket ini menggunakan platform media sosial untuk mempromosikan produk kosmetik dan kecantikan serta diperlakukan sudah beroperasi selama enam bulan," katanya.

Ruslin berkata, semua warga asing itu ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Imigresen 1959/63, Akta Passport 1966 dan Peraturan Peraturan Imigresen 1963 dan ditahan di Depot Imigresen Semenyih.

"Seorang lelaki tempatan diberikan notis untuk hadir ke pejabat bagi membantu siasatan," katanya.

"Warga asing ini juga akan disiasat KKM kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL



PEGAWAI farmasi memeriksa produk kecantikan di sebuah premis yang diserbu.

Kosmetik haram buatan seberang

3 warga Indonesia ditahan jual produk tak lulus KKM

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiga warga Indonesia termasuk dalam utama kegiatan membawa masuk produk kosmetik dan kecantikan dari 'seberang' tanpa kebenaran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ditahan dalam serbuan di sini Khamsi lalu.

Tangkapan dibuat Bahagian Perisikan dan Operasi Khas, Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya dengan kerjasama Pegawai Penguasa (Farmasi), Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur selepas menyerbu tiga premis di Setapak dan Ampang.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Datuk Ruslin Jusoh berkata, operasi khas yang dijalankan itu berjaya menahan seorang wanita warga Indonesia dipercayai dalang utama dalam membawa masuk produk berkenaan.

"Turut ditahan seorang lelaki warga Indonesia dan seorang perempuan warga Indonesia berusia 25 dan 35 tahun yang dipercayai berperanan sebagai jurujual dalam talian produk kosmetik dan kecantikan.

"Hasil semakan awal mendapati, dalam utama berkenaan memiliki Pas Lawatan Sosial (PLS) yang masih sahluh, manakala pekerjaanya

tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan atau pas yang sah untuk berada di negara ini manakala lelaki terabit didapati tinggal lebih masa," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, serbuan turut merampas produk kosmetik dan kecantikan pelbagai jenama, dua naskhah pasport Indonesia, wang tunai sebanyak RM3,263 dan IDR3,271,000 (RM960).

"Modus operandi sindiket adalah membawa masuk produk kosmetik dan kecantikan secara haram untuk dijual kepada pelanggan secara dalam talian melalui ejen dengan harga RM159 setiap satu.

"Sindiket ini menggunakan media sosial untuk mempromosikan produk kosmetik dan kecantikan serta diperlakukan sudah beroperasi selama

ma enam bulan," katanya.

Ruslin berkata, semua warganegara asing itu ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dan ditahan di Depot Imigresen Semenyih.

"Manakala seorang lelaki warganegara Malaysia dibekalkan notis untuk hadir ke pejabat bagi membantu siasatan.

"Warganegara asing ini juga akan disiasat oleh pihak KKM kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984," katanya.

ANTARA individu ditahan dalam serbuan di tiga premis di Setapak dan Ampang.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : LOKAL

Sungai Petani: Kedah merekodkan peningkatan kes denggi 1,550 berbanding 1,301 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan negeri, Mansor Zakaria berkata, angka itu menunjukkan peningkatan 249 kes bersamaan 19.1 peratus.

"Daripada jumlah ini, empat kematian dicatatkan berbanding tiada kes kematian pada tempoh sama tahun lalu.

"Trend peningkatan wabak berlaku pada Minggu Epid ke 16/2024 jaitu 136 wabak denggi berbanding 121 wabak denggi dalam tempoh sama tahun lalu iaitu peningkatan 12.4 peratus," katanya ketika melawat kawasan *hotspot* denggi di Taman Sejati Indah di sini, semalam.

Katanya, sehingga minggu Epid 16/2024, 82 kes denggi direkodkan di Taman Sejati Indah iaitu 68 kes bersamaan 82.9 peratus kes wabak dan bakinya 14 kes sporadik.

"Antara isu utama menjaskan kawalan wabak *hotspot* adalah rumah tidak berpenghuni atau lama ditenggalkan.

KES DENGGI MENINGKAT DI KEDAH

Empat maut korban aedes



MANSOR (kiri) ketika menjalankan pemeriksaan bersama pegawai kesihatan negeri di kawasan *hotspot* di Taman Sejati Indah. - Gambar NSTP/NOORAZURA ABDUL RAHMAN

"Ia menyebabkan rumah tidak diselenggara dengan baik sehingga berisiko menjadi tempat pembiahan nyamuk aedes dan kurang kerjasama penduduk sewaktu aktiviti kawalan

dari rumah ke rumah," katanya.

Beliau berkata, bermula tahun ini, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah dengan kerjasama kerajaan negeri memperkenalkan

kod-imbasan (QR) pemeriksaan tempat pembiahan aedes kendiri untuk menggalakkan penduduk memeriksa tempat pembiahan nyamuk di kediaman mereka.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

16 Negara!

Kosmo! ISNIN 29 APRIL 2024

Jual produk kecantikan tanpa kelulusan KKM, imigresen tahan tiga warga Indonesia

Warga asing 'tauke' kosmetik online

Oleh TUAN NURHIDAYAH
 TUAN AB. GHANI

PETALING JAYA — Taktik satu sindiket didalangi wanita Indonesia yang mengaut keuntungan dengan menjual produk kosmetik dan kecantikan tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan (KKM) terbongkar dalam satu operasi khas di Setapak, Kuala Lumpur dan Ampang, Selangor pada Khamis lalu.

Operasi bermula pukul 12.15 tengah hari melibatkan tiga premis itu dilakukan oleh pegawai dan anggota pelbagai pangkat dari Bahagian Perisikan dan Operasi Khas, Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya dengan kerjasama Pegawai Penguasa Kuasa (Farmasi), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Datuk Ruslin Jusuh berkata, operasi yang dilakukan hasil aduan dan risikan sejak tiga minggu lalu itu telah menahan tiga individu warga Indonesia termasuk seorang wanita berusia 50an yang diperlakukan dalam sindiket.

Katanya, dua lagi yang ditahan merupakan seorang lelaki dan seorang wanita Indonesia



KAKITANGAN bahagian penguatkuasaan farmasi dari Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur memeriksa pelbagai produk kosmetik yang tidak mempunyai kelulusan KKM dalam operasi di Setapak dan Ampang baru-baru ini.

masing-masing berusia 25 dan 35 tahun yang berperanan sebagai 'promoter online' bagi produk kosmetik dan kecantikan itu.

"Semakan awal mendapati da-

lang utama memiliki Pas Lawatan Sosial (PLS) yang masih sah laku, promoter wanita tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan atau pas yang sah, manakala sus-

pek lelaki didapati tinggal lebih masa.

"Dalam operasi ini, kita telah merampas produk kosmetik dan kecantikan pelbagai jenama, dua

pasport Indonesia serta wang tunai sebanyak RM3,263 dan 3.271 juta rupiah," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau menambah, modus operandi sindiket ini adalah membawa masuk produk kosmetik dan kecantikan secara haram dipercayai dari negara seberang sebelum dijual kepada pelanggan secara dalam talian melalui ejen dengan harga RM159 setiap satu.

"Sindiket ini menggunakan platform media sosial untuk mempromosikan produk kosmetik dan kecantikan serta diperlakukan telah beroperasi selama enam bulan," jelasnya.

Kesemua warganegara asing itu ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Mereka ditahan di Depot Imigresen Semenyih.

"Mereka juga akan disiasat oleh pihak KKM kerana disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

"Seorang lagi lelaki tempatan diberikan notis untuk hadir ke pejabat bagi membantu siasatan," tambahnya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NEGARA

Empat kematian akibat demam denggi di Kedah

SUNGAI PETANI – Sebanyak empat kematian akibat demam denggi direkodkan pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-16 yang turut mencatatkan peningkatan kes sebanyak 19.1 peratus di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan negeri, Mejar (B) Mansor Zakaria berkata, kematian itu membabitkan individu berusia 25 hingga 70 tahun.

Menurutnya, dua kematian direkodkan di Kuala Muda, manakala masing-masing satu kematian di Baling dan Kulim berbanding tiada kematian bagi tempoh sama tahun lalu.

"Kes demam denggi yang berlaku pula meningkat daripada 1,301 kes kepada 1,550 kes iaitu peningkatan sebanyak 249 kes bagi tempoh berkenaan," katanya pada sidang akhbar selepas meninjau kawasan hotspot di Taman Sejati Indah, di sini semalam.

Kata beliau, pada penghujung ME ke-16, terdapat 18 lokaliti wabak denggi terkawal di negeri ini iaitu 12 lokaliti di Kuala Muda, Kulim (tiga), Yan (dua) dan Kota Setar (satu).

"Kawasan perumahan Taman Sejati Indah ini merupakan kawasan hotspot di daerah Kuala Muda yang merekodkan sebanyak 82 kes denggi, 68 kes wabak dan bakinya 14 kes sporadik," ujarnya.

Jelas Mansor, isu utama yang menjelaskan kawalan wabak hotspot adalah rumah tidak berpenghuni atau lama ditinggalkan serta kurang kerjasama penduduk sewaktu aktiviti kawalan dari rumah ke rumah dijalankan anggota kesihatan.

"Rumah tidak berpenghuni dan tidak diselenggara dengan baik juga berisiko jadi tempat pembiakan aedes," katanya.

Tambahnya, bermula awal Januari lalu, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah bersama kerajaan negeri memperkenalkan kod QR Pemeriksaan Tempat Pembiakan Aedes Kendiri bagi menggalakkan penduduk memeriksa tempat pembiakan aedes di kediaman sendiri.

"Kod QR itu memberikan panduan tempat-tempat berisiko pembiakan aedes dan membolehkan aktiviti pemusnah tempat-tempat pembiahan direkodkan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

Sindiket jual kosmetik haram tumpas

Beroperasi dalam talian,
didalangi warga Indonesia

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF
MOHD ZOKI
KUALA LUMPUR

Satu sindiket jual kosmetik secara haram terbongkar susulan tertangkapnya tiga individu warga Indonesia termasuk dalangnya dalam serbuan di Setapak, Kuala Lumpur dan sekitar Ampang, Selangor pada Khamis.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia Datuk Ruslin Jusoh berkata, serbuan melibatkan tiga premis itu bermula pada jam 12.15 tengah hari.

Beliau berkata, operasi melibatkan sepasukan pegawai dan anggota pelbagai pangkat dari Bahagian Perisikan dan Operasi Khas, Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya dengan kerjasama Pegawai Penguat Kuasa (Farmasi), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

"Berdasarkan aduan dan risikan yang dijalankan selama ini, seorang wanita warga Indonesia berumur 50 tahun dipercuryai bertindak sebagai dalang diberkas.

"Selain itu, turut ditahan lelaki dan wanita warga Indonesia masing-masing



Serbuan dijalankan melibatkan tiga premis di Setapak, Kuala Lumpur dan sekitar Ampang, Selangor pada Khamis.

berumur 25 dan 35 tahun yang dipercayai berperanan sebagai jurujual dalam talian produk kosmetik dan kecantikan," katanya menerusi kenyataan pada Ahad.

Katanya, semakan awal mendapati, salah seorang suspek memiliki 'Pas Lawatan Sosial (PLS) yang masih sah.

"Bagaimanapun, salah seorang suspek wanita tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan atau pas yang sah untuk berada di negara ini manakala suspek lelaki pula didapati telah tinggal lebih masa.

"Operasi sama turut merampas produk kosmetik dan kecantikan pelbagai jenama, dua naskhah passport Indonesia,

wang tunai sebanyak RM3,263 dan IDR3,271,000," katanya.

Menurutnya, modus operandi sindiket adalah membawa masuk produk kosmetik dan kecantikan secara haram untuk dijual kepada pelanggan secara dalam talian.

"Produk ini dijual pada harga RM159 setiap satu dengan menggunakan platform media sosial dan dipercayai telah beroperasi selama enam bulan.

"Kesemua suspek ditahan kerana disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dan ditahan di Depot Imigresen Semenyih," katanya.

Mahkamah & Jenayah

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : NEGERI

Kes denggi di Kedah meningkat 19 peratus

SUNGAI PETANI - Kes denggi dilaporkan meningkat di seluruh negeri Kedah iaitu sebanyak 1,550 kes berbanding 1,301 kes bagi tempoh yang sama tahun 2023 pada Minggu Epid ke 16/2024.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Kedah, Mejar (B) Mansor Zakaria berkata, angka itu menunjukkan peningkatan sebanyak 249 kes bersamaan 19.1 peratus.

Menurutnya, trend kes kematian denggi juga meningkat dengan mencatatkan sebanyak empat kes berbanding tiada kes kematian dalam tempoh sama pada tahun lalu.

"Susulan peningkatan kes, trend peningkatan wabak juga berlaku, sehingga Minggu Epid ke 16/2024, 136 wabak denggi direkodkan di negeri Kedah berbanding 121 wabak denggi dalam tempoh sama pada 2023 iaitu peningkatan sebanyak 12.4 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang akh-

bar di Lokaliti Hotspot di Taman Sejati Indah di sini pada Ahad.

Dalam pada itu, katanya, sehingga Minggu Epid 16/2024, sebanyak 82 kes denggi telah direkodkan di Taman Sejati Indah, dengan 68 kes bersamaan 82.9 peratus adalah kes wabak dan bakinya, 14 kes sporadik.

"Antara isu utama yang menjelaskan kawalan wabak *hotspot* ialah rumah yang tidak berpenghuni atau lama ditinggalkan tidak diselenggara dengan baik sehingga berisiko menjadi pembiakan Aedes dan kurang kerjasama penduduk sewaktu aktiviti kawalan dari rumah ke rumah dijalankan anggota kesihatan," katanya.

Jelas beliau, bermula 2024, Jabatan Kesihatan Kedah dengan kerjasama kerajaan Kedah memperkenalkan Kod QR-Pemeriksaan Tempat Pembiakan Aedes Kendiri untuk menggalakkan penduduk memeriksa tempat pembiakan Aedes di kediaman sendiri.



Mansor (kiri) memeriksa pasu bunga dan tanaman yang tidak diselenggara dikuatir berisiko kepada pembiakan Aedes.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 32
RUANGAN : FORUM



PILIHAN pengguna harus berada di barisan hadapan dalam keputusan kawal selia berkaitan produk vape.
- UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Dedah draf peraturan bagi produk vape

SAUDARA PENGARANG.

PUSAT Pilihan Pengguna (CCC) menyeru Kementerian Kesihatan untuk mengutamakan maklum balas pengguna dalam draf peraturan produk vape yang sedang disediakan.

Sebagai penyokong pilihan dan pemerkasaan pengguna, CCC menekankan kepentingan untuk menggabungkan perspektif dan keperluan pengguna dalam membentuk dasar yang memberi kesan kepada kehidupan mereka. Pengawalseliaan produk vape adalah kritikal dan suara pengguna tidak boleh diabaikan dalam proses ini.

Pilihan pengguna harus berada di barisan hadapan dalam keputusan kawal selia berkaitan produk vape. Adalah penting bagi kementerian untuk menerbitkan draf peraturan dan memperuntuk garis masa yang munasabah untuk pengguna menyemak dan memberi maklum balas.

La memastikan peraturan bukan sahaja berkesan tetapi juga mencerminkan pelbagai keperluan dan pilihan masyarakat Malaysia. Dalam kes ini, analisis perlu dibuat yang mencerminkan sama ada langkah itu adalah untuk kepentingan terbaik pengguna atau sebaliknya.

CCC turut melahirkan keimbangan mengenai khabar angin bahawa kerajaan akan mengenakan larangan memamerkan produk vape di kedai runcit.

Sekatan akan menghalang akses perokok kepada maklumat penting dan menghalang keupayaan mereka untuk membuat keputusan termaklum mengenai produk vape.

Dengan membenarkan produk vape dipamerkan, pengguna boleh menilai ciri produk, membandingkan harga dan membuat pilihan termaklum berdasarkan keutamaan dan keperluan individu mereka.

Mengehadkan akses kepada maklumat ini bukan sahaja akan mengehadkan autonomi pengguna tetapi juga menjasakan usaha untuk menggalakkan strategi pengurangan kemudaran dalam kalangan perokok.

CCC menegaskan bahawa selain mengenakan larangan, pengubahan dasar harus menumpukan pada pelaksanaan langkah dalam meningkatkan kesedaran dan keselamatan pengguna seperti protokol pengesahan umur yang ketat dan pendidikan pengguna tentang pengurangan kemudaran.

Dengan mengutamakan pilihan dan penglibatan pengguna, pembuat dasar boleh membangunkan peraturan yang memupuk budaya vape yang bertanggungjawab sambil menjaga kesihatan awam.

TARMIZI ANUWAR

Pusat Pilihan Pengguna (CCC)

Larang pamer rokok, vape naikkan kos peniaga

SAUDARA PENGARANG,

PERSEKUTUAN Persatuan Peniaga Barang Runcit Malaysia (FSGMAM) berkongsi kebimbangan terhadap perbincangan yang diadakan baru-baru ini mengenai potensi undang-undang pembungkusan biasa dan larangan memamer rokok dan produk vape di kedai sebagai sebahagian daripada Akta Kawalan Produk Merokok untuk Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) dan menggesa kerajaan mengadakan perundungan mengenai langkah-langkah yang bakal dicadangkan.

Walaupun FSGMAM memahami bahwa kerajaan berhasrat untuk tidak menggalakkan merokok dan vape, namun langkah sedemikian tidak membantu untuk mencapai objektifnya tetapi sebaliknya mewujudkan kerumitan kepada peniaga dan akan menyebabkan beban kewangan yang besar kepada kedai runcit milik swasta yang selama ini menjadi tulang belakang banyak komuniti di seluruh Malaysia.

Larangan memamer akan memerlukan peruncit menanggung kos untuk membuat pengubahsuaian di kedai bagi mematuhi peraturan. Ini akan menjadi beban kewangan tambahan yang besar untuk kami dan kami tidak mampu untuk menanggung kosnya.

Ia juga akan menyebabkan pelbagai kerumitan kepada operasi. Memandangkan peruncit perlu membuat pengubahsuaian untuk melindungi produk dan mengelakkannya daripada dilihat, ini bermakna setiap kali pengguna datang untuk membeli produk, peruncit perlu mencari produk untuk meneruskan urus niaga.

Ini akan menjadi lebih teruk dengan spesifikasi pembungkusan biasa di mana setiap produk akan kelihatan sama dalam warna dan bentuk, menjadikannya lebih rumit bagi peruncit untuk mencari jenama atau produk tertentu apabila pengguna memintanya.

FSGMAM percaya kementerian perlu menangani isu rokok tidak sah terlebih dahulu yang menjadi punca dan menyumbang kepada kadar merokok di Malaysia.

Dari pada mencetuskan idea mengharamkan pameran produk dan

memperkenalkan pembungkusan biasa, kerajaan harus mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha rokok tidak sah untuk mengurangkan kadar merokok. Sebab sebenar rakyat Malaysia masih merokok adalah kerana rokok tidak sah yang dijual pada harga yang sangat murah dan mudah didapati.

FSGMAM melihat cadangan ini sebagai cadangan yang drastik tanpa mengambil kira kesan ke atas operasi runcit dan perundingan mesti diadakan dengan perniagaan runcit.


Kami sudah dua kali menulis kepada Kementerian Kesihatan untuk meminta mesyuarat diadakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan langkah yang dicadangkan mereka. Tetapi sehingga kini, kami tidak menerima sebarang notis daripada kementerian untuk mengadakan sebarang perbincangan.

Adalah tidak wajar bagi peruncit yang merupakan barisan hadapan dan paling terkesan dengan langkah-langkah yang dicadangkan ini untuk tidak mempunyai butiran mahupun maklumat mengenai perlaksanaannya.

Peraturan yang drastik seperti ini merupakan cabaran serius kepada ahli kami, yang sebelum ini sudah pun menghadapi tekanan ekonomi yang tidak dijangka. Langkah-langkah ini bukan sahaja mengancam daya maju perniagaan mereka tetapi juga gagal menangani punca utama merokok, ekoran ketersediaan rokok tidak sah yang murah. Kami menggesa kerajaan untuk mengadakan dialog dan perundungan yang efisien dengan peruncit untuk memastikan semua pandangan diambil kira sebelum sebarang keputusan dibuat.

FSGMAM ingin menjelaskan bahawa peruncit tidak menantik matlamat kementerian untuk menghasilkan peraturan bagi tidak menggalakkan merokok atau vape. Tetapi peraturan itu perlu waras, berkesan dan seimbang supaya ia boleh diiktuktuaskan tanpa kesan yang ketara kepada operasi runcit.

HONG CHEE MENG
Presiden FSGMAM



LARANGAN memamer rokok dan vape menyusahkan peniaga dan akan menambah beban kewangan yang besar kepada mereka. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NATION

Indonesian mastermind behind illegal cosmetics held

PUTRAJAYA: A 50-year-old Indonesian woman suspected of masterminding the online sale of cosmetic and beauty products without approval from the Health Ministry has been detained by the Immigration Department.

Immigration director-general Datuk Ruslin Jusoh revealed that during raids in Setapak, Kuala Lumpur, and Ampang, Selangor, last Thursday, an Indonesian man and woman were also apprehended for their suspected roles as online promoters for the products. They are aged 25 and 35.

He stated that they also seized various brands of cosmetics and beauty products, two Indonesian passports, RM3,263 in cash and 3.3 million rupiah (RM967).

"One of the detained women possesses a valid social visit pass, while the other woman has no valid travel documents or passport to be in Malaysia, and the man has overstayed," he said in a statement yesterday.

Ruslin said that all the foreigners detained had committed offences under the Immigration Act 1959/63, Passport Act 1966, and Immigration Regulations 1963 and are currently held at the Semenyih Immigration Depot in Selangor, for investigation under the Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984, Bernama reported.

He added that the operation was carried out based on public complaints and three weeks of surveillance, involving a team of officers and personnel from the Putrajaya Immigration Headquarters' Intelligence and Special Operations Division, as well as pharmaceutical enforcement officers from the Kuala Lumpur Health Department.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NATION

Rising dengue cases in Kedah raising alarm

SUNGAI PETANI: Dengue cases in Kedah are rising at an alarming level, with a total of 1,550 cases reported in the 16th Epidemiological Week (ME16) this year.

In the same period last year, there were 1,301 cases recorded.

State housing, local government and health committee chairman Mjr (Rtd) Mansor Zakaria said the figure showed an increase of 19.1% or 249 cases.

"Under the ME16 this year, 136 dengue outbreaks were recorded, compared with 121 outbreaks last year, an increase of 12.4%.

"This situation requires immediate attention and action from the community and the authorities," he told reporters while inspecting one of the dengue hot-spots in Taman Sejati Indah yesterday, Bernama reported.

Mansor said a total of 95,307 premises have been inspected so

far, of which 6,297 of them have been found with breeding grounds for Aedes mosquitoes.

He said a total of 1,756 compound notices, worth RM848,900, were issued under the Destruction of Disease-Bearing Insects Act.

The state Health Department and the state government, introduced a self-inspection QR code of Aedes breeding grounds for residents in their own homes since January, he said.

Mansor also said for a start, the initiative involves residents in some at-risk localities and will be expanded statewide in future.

The QR code provides a guide to places at risk of Aedes breeding and allows the destruction of breeding places to be recorded.

"The data on the use of this QR code will be monitored and evaluated by the department to cultivate behaviour to keep the house clean every week," he said.



On alert for dengue danger: Personnel from the Kedah Health Department inspecting potential breeding grounds for Aedes mosquitoes at Taman Sejati Indah. — Bernama

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATIONAL

Foreigners held over illegal cosmetics sales

PUTRAJAYA: The Immigration Department has detained a 50-year-old Indonesian woman suspected of masterminding the online sale of cosmetics and beauty products without approval from the Health Ministry.

Director-general Datuk Ruslin Jusoh said during a raid in Setapak, Kuala Lumpur and Ampang, Selangor on Thursday, an Indonesian man, 25, and woman, 35, were also apprehended for their suspected roles as online promoters for the products.

"We seized various brands of cosmetics and beauty products, two Indonesian passports, RM3,263 in cash and 3.3 million rupiah.

"One woman possessed a valid social visit pass, the other woman had no valid travel documents or passport to be in Malaysia and the man had overstayed."

Ruslin said all the detained foreigners had committed offences under the Immigration Act 1959/63, Passport Act 1966 and Immigration Regulations 1963, and are being held at the Semenyih Immigration Depot in Selangor for investigations under the Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984.

He added that the operation was based on complaints and three weeks of surveillance, involving a team of officers and personnel from the Putrajaya Immigration Headquarters Intelligence and Special Operations Division, and pharmacy enforcement officers from the Kuala Lumpur Health Department. – Bernama